

Forum Peringkat Menteri Asia Timur Ke-4 Mengenai Keluarga

Ucapan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah di Forum Peringkat Menteri Asia Timur Ke-4 Mengenai Keluarga bertempat di Kuala Lumpur, Malaysia pada 9 - 10 November 2010.

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Petang

Bagi pihak Negara Brunei Darussalam, izinkan saya melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan dan rakyat Malaysia terutamanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, di atas layanan mesra serta susunan acara yang dibuat untuk forum ini.

Saya yakin di bawah kepimpinan anda, Puan Pengerusi, perbincangan kita akan membawa hasil yang positif dalam memastikan dan mengukuhkan kesejahteraan keluarga.

Forum Peringkat Menteri yang diadakan di Bali, Indonesia pada Disember 2008 telah mengeluarkan Kenyataan Bali Mengenai Memperkuatkan Ketahanan Keluarga: Bergerak Dari Polisi Ke Tindakan antara lain menyeru tindakan dalam menguatkan kerjasama untuk polisi-polisi, program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan dalam membangun ketahanan keluarga.

Tahun ini, fokus kita akan tertumpu kepada melindungi dan memperkasa keluarga yang berisiko dan keluarga berisiko tinggi, yang meliputi mereka yang hidup dalam kemiskinan serta orang-orang yang mengalami masalah keganasan, dadah, berpenyakit kronik, kecacatan dan pengangguran.

Dalam beberapa forum lepas, kita telah menekankan mengenai kepentingan dalam memastikan kesejahteraan keluarga, sebagai unit asas dalam masyarakat. Kami di Negara Brunei Darussalam amat yakin bahawa keluarga adalah tulang dalam pembangunan bangsa, kekukuhan dan ketahanan masyarakat dan negara. Keluarga yang kukuh, stabil dan cekal adalah penting dalam mencapai sasaran Wawasan 2035.

Hari ini, forum kita menyediakan satu lagi peluang kepada kita untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik bagi melindungi dan memperkasakan keluarga yang terdedah kepada

cabaran termasuk: penyalahgunaan dadah dan tekanannya kepada keluarga; keganasan yang melibatkan mangsa dan ahli keluarga mereka; kemiskinan, yang dengan sendirinya merupakan suatu keadaan yang boleh menyebabkan pelbagai penyakit sosial, kecacatan fizikal dan penyakit kronik.

Kami, sejak tahun lalu, telah memulakan satu kajian tentang kemiskinan di Negara Brunei Darussalam. Hasil dari kajian ini, kami berharap akan boleh memperbaiki definisi kami tentang erti kemiskinan dalam konteks Negara Brunei Darussalam. Kami akan mengumpul dan memperkukuhkan pangkalan data kami mengenai orang-orang yang mungkin dianggap miskin dan kami berharap agar strategi pembanterasan kemiskinan yang berkesan akan menyerlah.

Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan beberapa program bagi menghapuskan kemiskinan. Skim Pembiayaan Mikro-Kredit, misalnya, telah membantu menyediakan modal permulaan untuk perusahaan kecil untuk memulakan atau mengembangkan tanpa faedah atau kos pentadbiran. Pemohon pinjaman tidak memerlukan penjamin atau cagaran, sementara syarat dan cara pembayaran cukup fleksibel. Adalah diharapkan bahawa dengan skim ketahanan diri, penerima bantuan yang layak akan mampu menjalani kehidupan mereka sendiri dari bergantung sepenuhnya dengan bantuan.

Saya juga ingin menyentuh mengenai rangkaian keselamatan yang ada melalui sistem zakat di Negara Brunei Darussalam. Sehubungan dengan ini, Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam mengagihkan pungutan zakat kepada kumpulan-kumpulan yang berhak. Sebagai contoh, tiga kumpulan yang dominan dalam perkara ini, iaitu kumpulan fakir, kumpulan miskin dan Al-Gharimin (kumpulan orang Islam yang menanggung beban hutang demi memenuhi keperluan asas seperti tempat tinggal dan makanan selaras dengan undang-undang Syariah). Serjumlah lebih dari BND90 juta telah diagihkan tahun lalu kepada penerima yang berhak.

Kita memperakui kesan hutang terhadap kestabilan keluarga. Di samping Al-Gharimin, kerajaan baru-baru ini telah memperkenalkan langkah-langkah untuk mengawal pemberian kad kredit. Pada masa ini, bank hanya dibenarkan untuk memberikan kad kredit kepada pelanggan mereka. Dulu, bank memiliki kebebasan untuk memberikan kad kredit kepada siapa sahaja sehingga meningkatkan kapasiti keluarga untuk berbelanja, tetapi, pada masa yang sama, hampir menjadikan setiap pemegang kad dibebani dengan hutang secara terus-menerus! Langkah ini adalah sebahagian daripada strategi kerajaan untuk membanteras bebanan hutang dan kemiskinan di negara ini.

Kami juga memberikan Pembangunan Tenaga Manusia (HRD) keutamaan yang tinggi. Melalui Pusat Pembangunan Belia, kami menyediakan kemahiran berguna kepada generasi belia kita untuk membolehkan mereka sama ada memasuki alam perniagaan atau memasuki pasaran

kerja. Pusat berkenaan juga memberikan kursus jangka pendek kepada penerima zakat serta kepada bekas penagih dadah untuk membantu mereka kembali ke masyarakat.

Negara Brunei Darussalam menekankan pentingnya sistem keluarga besar. Kami yakin bahawa keluarga besar memberikan kelebihan dan boleh menjadi mekanisme sokongan bagi keluarga-keluarga yang berisiko dan berisiko tinggi.

Seperti dalam skim perumahan kerajaan, kami menggalakkan ahli keluarga untuk memohon perumahan terletak bersebelahan satu sama lain.

Kami juga telah meluluskan beberapa undang-undang dan perkhidmatan untuk melindungi keluarga berisiko dan berisiko tinggi. Undang-undang seperti Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda, yang berkuat kuasa pada bulan Mac tahun ini, menyediakan bantuan, penjagaan dan perlindungan kanak-kanak dan orang muda terhadap sebarang bentuk penderaan dan eksploitasi. Ianya juga merangkumi rawatan dan pemulihan kanak-kanak dan orang muda yang berada di luar kawalan orang tua atau mereka yang melakukan kesalahan. Perintah berkenaan antara lain memberikan penekanan terhadap tanggungjawab keluarga, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan orang muda, dan memberikan kaunseling wajib kepada ahli keluarga.

Negara Brunei Darussalam juga meluluskan Undang-Undang Keluarga Islam dan Perempuan Bersuami (1999) yang menyentuh tentang hak dan kewajipan suami dan isteri dalam menjaga kepentingan ahli-ahli keluarga. Undang-undang ini juga termasuk hal-hal yang berkaitan dengan penjagaan dan hak mengasuh anak. Pindaan terbaru yang sangat signifikan terhadap undang-undang ini juga telah dilakukan untuk melindungi mangsa keganasan rumah tangga. Pindaan memberikan liputan luas bagi para mangsa yang diabaikan. Ianya juga menyediakan protection order and expedite order kepada para mangsa, perintah tahanan terhadap sipelaku, pampasan kepada para mangsa dan kaunseling wajib bagi si pelaku mangsa dan ahli-ahli keluarga yang lain.

Negara Brunei Darussalam juga mempunyai beberapa program untuk mengukuhkan dan memperkasa keluarga. Ini termasuk kursus pranikah untuk pasangan muda, program lepas nikah, kemahiran ibu bapa, kemahiran berkomunikasi, pengurusan kewangan keluarga, kaunseling serta kempen kesedaran tentang nilai-nilai keluarga, reproductive health, penyakit kronik dan keganasan dalam rumah tangga. Kursus pranikah, antara lain bertujuan untuk membekalkan para pasangan muda dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran dan membantu mereka membina hubungan keluarga yang kukuh dan sihat. Ia juga untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pasangan muda bahawa perkahwinan tidak hanya satu majlis perkahwinan, tetapi merupakan perjalanan

panjang yang memerlukan pemahaman lebih dekat, kasih sayang dan tolak ansur untuk kehidupan keluarga yang lebih kukuh.

Selain itu, Kempen Keluarga Bahagia dijalankan daripada semasa ke semasa bagi mewujudkan dan menyemai kesedaran tentang peranan penting ibu bapa dalam menanamkan nilai-nilai sosial yang dikehendaki untuk anak-anak mereka dan untuk mengekalkan peranannya sebagai penjaga kepada orang yang sakit, orang kurang upaya dan orang tua. Yang paling terbaru dengan tema 'My Family, My Precious Diamond' telah dilancarkan pada Mei tahun ini untuk meningkatkan kesedaran awam tentang isu-isu yang berkaitan dengan keluarga dan juga untuk menyebarkan maklumat mengenai perkhidmatan yang tersedia untuk membantu, melindungi dan memperkukuhkan institusi keluarga. Program ini dilakukan di peringkat akar umbi di seluruh negeri.

Kami juga berasa senang menyatakan bahawa sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat awam telah dengan aktif menyokong pelbagai program kami yang berkaitan dengan keluarga, termasuk orang kurang upaya dan orang tua.

Di dalam mencapai Matlamat Pembangunan Milenium, secara praktiknya semua keluarga di Negara Brunei Darussalam dijamin mendapatkan peluang-peluang keperluan asas seperti tempat tinggal, pendidikan dan kesihatan yang diberikan baik secara percuma atau bersubsidi. Sebagai sebahagian dari rangkaian keselamatan sosial kami, kerajaan juga telah memanjangkan usia bersara dari 55 tahun hingga 60 tahun untuk memastikan agar keluarga tersebut mempunyai pendapatan untuk menyara diri mereka. Selain itu, Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah memperkenalkan Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP) yang dikuatkuasakan bermula pada 1 Januari 2010. Skim persaraan ini sebagai tambahan kepada Tabung Amanah Pekerja (TAP) bertujuan untuk memastikan bahawa setiap pekerja TAP, yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, menerima bayaran pendapatan bulanan minimum menambah kepada bayaran Pencen Orang Tua (OAP) sebanyak BND250 setiap bulan. Skim SCP ini juga menyediakan pembayaran faedah kepada waris (survivorship) bagi menjamin keselamatan jika pekerja berkenaan meninggal dunia sebelum persaraan mandatori iaitu berusia 60 tahun. Seperti Skim TAP, ia adalah mandatori bagi semua warga negara dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam yang bekerja sama ada di sektor awam atau swasta, untuk mengikuti Skim SCP. Mereka yang berada di sektor informal juga digalakkan untuk menyertai skim ini.

Dengan mencapai keperluan asas, Negara Brunei Darussalam terus bekerja untuk memperbaiki persekitaran untuk pembangunan keluarga di luar keperluan asas. Kami sedar bahawa keluarga perlu lebih dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi lebih kompetitif dalam

menghadapi perubahan global. Perkara-perkara yang dibimbangkan termasuk penghakisan nilai-nilai tradisi keluarga, yang merupakan akibat dari penambahan jumlah nuclear families dan pengaruh negatif tersebut ada pada peranan dan tanggungjawab tradisi ahli-ahli keluarga. Kerana inilah Negara Brunei Darussalam telah membentuk satu jawatankuasa khas tentang perempuan dan institusi keluarga yang akan bertanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan rumusan dan kejayaan dasar dan pelan tindakan untuk perempuan dan keluarga.

Kesimpulannya, izinkan saya menyatakan bahawa keyakinan kami mengenai keluarga sebagai unit asas masyarakat harus dipertahankan kerana ia mempunyai kesan yang sangat tinggi pada masa depan bangsa kita. Negara Brunei Darussalam menyokong segala usaha untuk melindungi dan memperkasa kemampuan fizikal, psikologi, emosi dan intelektual keluarga dan kami berharap kepada penerimaan dari Kenyataan Kuala Lumpur terhadap keluarga yang selamat dan berdaya tahan di rantau ini.

Akhirnya, saya ingin sekali lagi menyampaikan terima kasih saya kepada Kerajaan Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di atas pengungkayahan cemerlang forum ini serta layanan mesra mereka.